

**SULIT**  
**5226/2**  
**Tasawwur**  
**Islam**  
**Ogos**  
**Kertas 2 ½ Jam**

5226/1



**Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**  
**2008**

---

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan
  2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain
  3. Calon perlu menjawab **lima** soalan sahaja.
- Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

---

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak

**Lihat sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana empat soalan yang lain.**

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian Uluhiyyah [2 markah]
- (ii) Rasul adalah utusan Allah SWT kepada manusia.  
Jelaskan **dua** cara beradab kepada rasul yang mesti diamalkan oleh umat Islam. [4 markah]
- (b) Alam terbahagi kepada dua bahagian iaitu alam ghaib dan alam musyahadah.
- (i) Senaraikan **dua** contoh alam ghaib dan alam musyahadah. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** punca berlakunya kerosakan alam. [4 markah]
- (c) Al-Quran dan hadis merupakan panduan hidup yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW kepada manusia.
- (i) Nyatakan **dua** cara anda bersyukur setelah Allah SWT mengurniakan wahyu. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kesan fahaman anti hadis kepada umat Islam. [4 markah]
- 2 (a) Islam adalah agama yang sempurna dan mampu memenuhi semua kehendak dan keperluan manusia dalam semua aspek kehidupan.
- (i) Nyatakan **dua** prinsip Syumuliyah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep Syumuliyah dalam bidang sosial. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** kelebihan sifat Murunah. [4 markah]
- (c) Thabat merupakan sifat Islam yang tetap dan tidak boleh berubah.
- (i) Huraikan **dua** aspek Thabat dalam Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** contoh hukum jenayah yang bersifat Thabat. [4 markah]
- 3 (a) (i) Nyatakan matlamat utama sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan ciri-ciri khalifah Islam [4 markah]
- (b) Bersyukur kepada Allah SWT merupakan salah satu tanggungjawab manusia. Terangkan cara anda bersyukur dengan kurniaan fizikal yang sihat. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** nilai sistem sosial Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** akibat jika tidak mengamalkan sistem sosial Islam [6 markah]

- 4 (a) Allah SWT memberikan harta untuk menguji tahap keimanan dan kesabaran manusia.
- (i) Nyatakan maksud harta. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan bentuk-bentuk ujian Allah SWT terhadap pemilik harta. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan peraturan dalam pemilikan harta. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** kesan ketiadaan pengiktirafan hak milik harta terhadap individu. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** keistimewaan bermuamalah secara Islam [4 markah]
- (ii) Nyatakan pengertian al-Takaful menurut Islam. [2 markah]
- 5 (a) Islam melarang umatnya mencero bohi harta orang lain seperti mencuri dan menipu.
- (i) Berikan **dua** sebab Islam melarang umatnya mencero bohi harta orang lain. [4 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** hikmat membelanjakan harta menurut pandangan Islam [4 markah]
- (b) Islam mewajibkan umatnya bekerja bagi memenuhi keperluan hidup mereka.
- (i) Huraikan **dua** kebaikan bekerja. [4 markah]
  - (ii) Terangkan implikasi terhadap individu yang melakukan pekerjaan haram [4 markah]
- (c) Islam melarang umatnya hidup tanpa melakukan sebarang pekerjaan untuk menjamin sumber pendapatan.
- Huraikan kesan kehidupan tanpa pekerjaan. [4 markah]

- 6 (a) Perundangan Islam yang diturunkan oleh Allah SWT berasaskan sumber-sumber yang diakui ketepatannya.
- (i) Jelaskan **dua** sebab al-Qur'an dan al-Hadis menjadi sumber perundangan Islam. [4 markah]
  - (ii) Nyatakan pengertian Qadha beserta contoh. [4 markah]
- (b) Fatwa diharuskan oleh Islam bagi menyelesaikan masalah semasa yang berlaku.
- (i) Nyatakan **dua** contoh fatwa yang diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** kebaikan fatwa. [4 markah]
- (c) Amal kebajikan yang dilakukan oleh manusia kadang kala tidak akan diterima oleh Allah SWT sebagai ibadat.
- (i) Senaraikan **dua** perkara yang boleh merosakkan ibadat [2 markah]
  - (ii) Huraikan **dua** perkara yang mengukuhkan ibadat seseorang. [4 markah]
- 7 (a) (i) Jelaskan pengertian jenayah menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** keistimewaan hukum jenayah Islam terhadap individu [4 markah]
  - (iii) Nyatakan **empat** contoh perlakuan jenayah menurut pandangan Islam [4 markah]
- (b) Islam amat mementingkan jaminan keselamatan dalam kehidupan manusia.
- (i) Nyatakan maksud jaminan keselamatan. [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [4 markah]
- (c) Cadangkan **dua** langkah bagi meningkatkan ekonomi dalam keluarga anda. [4 markah]

**SOALAN TAMAT**